



Professorial Lecture UiTM
YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 45:10 : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil alamin wassolatu wassalamu ala asrofil ambiyaa wal mursalin waa alihi wasahbihi ajmain. Rabbishrahli sadri waassirli amri wahlul uqdatan min lisani yafqahu qauli. Amma ba.
- 45:32 : Terima kasih kepada sahabat saya Prof. Madya Dr. Zainuddin Ibrahim. Yang berbahagia Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad menyimpan mohor besar Raja-Raja Malaysia jutaan terima kasih kepada Tan Sri kerana sudi hadir dalam majlis syarahan Prof. di Fakulti Seni Reka dan Seni Reka. Yang berbahagia Datuk Mustafa Kamil Ayub selaku ahli lembaga pengarah universiti. Yang berhormat Senator Datuk Seri Emeritus Prof. Emeritus Dr. Awang Sarian, ahli Dewan Negara Parlimen Malaysia yang juga penyandang kursi institusi Raja-Raja Melayu UiTM. Yang berbahagia Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Syekh, Naib Canselor UiTM yang kedua dan juga mantan pengerusi lembaga pengarah UiTM yang ketiga. Dan beliau saya difahamkan terlalu padat namun begitu jutaan terima kasih kepada yang berbahagia Tan Sri yang beliau telah sudi untuk bersama berangkat ke majlis ini. Juga yang berusaha Prof. Madya Dr. Muhammad Sazili Shahibi sahabat saya, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM yang walaupun saya rasa beliau dalam menahan kesakitan tapi beliau hadir juga jutaan terima kasih. Dan juga kepada Prof. Madya Teknologis Dr. Azhar Abdul Jamil Dekan Fakulti Seni reka dan Seni Reka UITM dan juga semua yang hadir yang kalau saya nak address kan nama-nama seorang-seorang ini terlampau ramai.
- Prof. Dr. Azni, Prof. Mizan, Prof. Dr. Azni bawa anak beliau sekali yang merupakan bekas pelajar saya di bidang fotografi, Prof. Zul Mantan Dekan, Prof. Dr. Mustafa Halabi Haji Azhari juga Mantan Dekan, Prof. Kamal, Dr. Kemi. Ramai ini. Prof. Mulyadi, kemudian Haji Awang Damit seorang pelukis terkenal di tanah air kita.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

48:03 : Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT kita dapat bersama pada hari yang berbahagia ini. Sebenarnya yang berbahagia Tan Sri saya ada tiga keterujaan saya pada hari ini. Yang pertama sudah tentu keterujaannya adalah untuk menyampaikan syarahan, berkongsi sedikit pengalaman.

Yang kedua keterujaan dari sudut kehadiran yang ada pada hari ini. Yang saya menyangkakan bahawa semua yang ada di hadapan ini adalah orang yang sibuk. Tapi saya pasti Allah SWT telah gerakkan hati tuan-tuan dan perempuan Tan Sri, Tan Sri, Datuk Sri, Datuk Sri, Datuk Datuk untuk bersama. Dan yang ketiga adalah kehadiran semua termasuklah mantan-mantan, Dekan-Dekan dan juga kakitangan yang telah berpencen yang insyaAllah saya rasa selepas inilah kita akan ada reunion kat luar sana.

Jadi jutaan terima kasih dan juga kehadiran para pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka dan juga para pelajar yang memenuhi Dewan Auditorium Utama, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Tuan-tuan dan Puan-puan, sebelum saya menghujahkan syarahan saya ini sebenarnya ada juga yang mengatakan bahawa kenapa prof tak buat di tempat yang lebih luas, lebih selesa, parking pun tak jadi masalah.

Namun begitu saya bagitahu bahawa Dewan ini ataupun auditorium ini adalah merupakan satu kenangan yang amat bermakna dalam kehidupan saya dalam perjalanan sebagai seorang ahli akademik. Kerana disinilah saya mula-mula bertugas dan memberi syarahan kepada para pelajar di sembilan program ketika itu. Jadi auditorium utama ini adalah satu tempat perjumpaan para pelajar di sembilan program ketika itu kita belum lagi berpindah ke puncak alam.

Jadi Alhamdulillah saya rasakan ini adalah satu tempat yang amat bermakna bagi kita di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

50:12 : Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian. Syarahan ini sebenarnya digarap dengan tujuan untuk membuka wacana tentang perpentingnya elemen kreativiti dan personality agar dapat dibincangkan secara ilmiah tersusun dan berterusan.

Tuan-tuan dan Puan-puan mungkin kita boleh buka slide yang pertama. Terlebih dahulu izinkan saya menyentuh sejenak akan tajuk syarahan saya pada hari ini. Dalam bidang seni halus, arca merupakan karya berbentuk tiga dimensi yang pada asasnya membawa maksud mengukir.

Namun demikian nilai sebenar arca terletak pada penghayatan terhadap makna yang tersirat di sebalik bentuknya. Justru dalam konteks syarahan ini pendekatan mengarca disegarkan.

Maknanya sebagai satu proses membentuk sesuatu yang mendalam dalam ranah kreativiti yang akhirnya dapat dilihat dan diukur manifestasinya. Sementara itu murni pula membawa maksud bersih, suci dan tulen. Maka gandingan kedua-dua gagasan ini akhirnya menjadi satu kesatuan makna yang mengikat syarahan ini iaitu dijudulkan sebagai mengarca kreativiti memurni personaliti.

Tuan-tuan dan Puan-puan, dalam syarahan ini saya akan menggabungkan keperluan kreativiti dan kepentingan personaliti dengan memaparkan yang pertama adalah kajian berbentuk empirikal dengan mengasahkan model-model terdahulu serta usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi menerjemahkan usaha ke arah memperkasakan kreativiti dan melonjakkan keunggulan personaliti.

Dalam bahasa yang mudah, bahagian pertama saya akan ceritakan hasil kajian dan bahagian kedua saya akan ceritakan inisiatif yang telah dilaksanakan bagi membugakan kreativiti dan personaliti.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 52:09 : Baik, seterusnya. Ilmu adalah perbenaraan yang tinggi puncaknya. Ilmu juga dikatakan kunci kepada segala kebaikan, keluhuran dan kebijaksanaan. Justru ilmu adalah kefardhuan yang Allah dan Rasul-Nya telah tegaskan. Dalam erti kata lain, apa yang kita lakukan wajib berpandukan ilmu tidak hanya mengikut rentak hati dan nafsu.
- 52:33 : Tuan-tuan dan Puan-puan, kita mulakan perbahasan kita tentang personaliti. Jadi, saya nak memberikan satu analogi yang paling mudah. Analogi yang paling mudah yang saya rasakan semua boleh menghayatinya. Katakanlah kita pergi bercuti di tepi pantai. Kita bercuti di tepi pantai, aman dan nyaman. Kita terlihat ada tiga orang sedang menghayati. Di tepi pantai itu sedang menghayati alam waktu pagi. Semasa dia balik, balik daripada pantai itu kita bertanya. Orang pertama kita tanya, tuan, semasa saya lihat tuan sedang menikmati pemandangan di tepi pantai tadi, apa yang terlihat di kotak pemikiran tuan? Dia jawab, semasa di tepi pantai tadi saya tengok keadaannya begitu aman dan tenteram.
- 53:26 : Jadi, macam manapun saya lihat di sini ada potensi yang besar untuk kita teroka dengan lebih jauh lagi daripada pantai ini sampailah ke dasar lautan yang lebih jauh. Lepas itu datang orang kedua, kita pun tanya dia lagi. Tuan, tadi saya tengok tuan merenung jauh di tepi pantai, apa yang tuan fikirkan? Dia kata, sebenarnya apa yang saya fikirkan, tempat ini ada potensi untuk dijadikan sebuah pelabuhan yang besar yang boleh menjana ekonomi.
- 54:00 : Dan yang ketiga, orang yang ketiga balik kita tanya dia, tuan, apa yang tuan sedang fikirkan semasa tuan menghayati keindahan pantai? Dia kata, saya tadi saya lihat pantai ini belum tercemar dan saya harap kita semua menjaga dan mengelakkan daripada pencemaran. Jadi tuan-tuan dan Puan-puan, sebenarnya kisah tadi, sebenarnya orang yang pertama itu adalah seorang ahli kimia, seorang jurutera dasar laut yang terlibat dengan petroleum. Orang yang kedua kita tanya itu adalah seorang ahli ekonomi yang melihat setiap detik, setiap perkara dalam kehidupan ini mendatangkan keuntungan.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 54:46 : Dan orang yang ketiga adalah orang pencipta alam yang tidak mahu alamnya tercemar. Jadi tuan-tuan dan Puan-puan, kisah sebentar tadi menggambarkan kepada kita bahawa aruhan personaliti dalam membuat keputusan itu sangat-sangat penting. Justru berbicara tentang personaliti, kita sebenarnya sedang menyelami inti diri manusia dan persoalan siapa kita? Bagaimana kita berfikir dan mengapa kita bertindak sebegitu?
- 55:13 : Personaliti bukan sekadar apa yang terlihat tetapi merupakan gabungan halus antara pemikiran, emosi, tingkah-laku serta dorongan dalaman yang membentuk keseluruhan diri. Sebab itu di sekeliling kita akan melihat perbezaan antara individu, mengapa ada yang berani dan mengapa ada yang ragu, mengapa ada yang rasional dan mengapa ada yang emosional. Jadi tuan-tuan dan puan-puan sekalian, baru sebentar tadi kita menyingkap tentang dimensi personaliti yang membentuk diri kita dan sekarang kita nak bawa kepada satu penerokaan ilmu yang sentiasa disegar dan dibugakan iaitu kreativiti.
- 55:53 : Apakah sebenarnya kreativiti? Adakah ia sekadar imaginasi liar atau sekadar berfikir di luar kotak? Hakikatnya kreativiti jauh melangkaui definisi yang sempit. Ia adalah keupayaan untuk melahirkan sesuatu yang baharu, yang asli, yang bermakna dan yang mampu menyelesaikan persoalan kehidupan. Kreativiti bukan sekadar mencipta tetapi mencipta dengan tujuan dan ia bukan sekadar berbeza tetapi berbeza dengan nilai dan makna.
- 56:23 : Pelbagai pendekatan muncul untuk mencari, mengupas dan cuba memahami misteri disebalik pemikiran kreatif manusia. Ada yang melihat kreativiti dari sudut mistik, seolah-olah ia anugerah luar biasa yang hadir kepada setiap insan tertentu. Ada pula yang bersifat pragmatik iaitu menganggap kreativiti sebagai kemahiran yang boleh dibina melalui teknik dan latihan.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 56:47 : Dan ada yang berpendekatan psikodinamik yang menyelami alam sedar dan bawah sedar. Dan ada yang berpendekatan psikometrik yang cuba mengukur kreativiti melalui angka dan ujian. Hakikatnya kreativiti tidak tunduk kepada hanya satu aliran sahaja ia adalah gabungan antara ilmu, pengalaman, persekitaran dan jiwa manusia itu sendiri.
- 57:09 : Tuan-tuan dan puan-puan, dalam dunia seni reka perbahasan ini menjadi lebih menarik. Christopher Jones misalnya dalam karya klasiknya design method atau design thinking yang ini saya teringat. Muda-muda dulu tahun 2003-2004 masa itu, Datuk Haji Ahmad Zanuddin kita panggil Tok Mat. Dia dipanggil dekat foyer itu. Amir sekejap dekat tangga itu dia kata, awak dah baca ke belum buku Christopher Jones? Saya kata saya belum baca, awak patut baca sebab awak psikologis. Awak kena tahu macam mana aliran yang dibawa oleh Kristopher Jones dalam bukunya ini untuk design thinking ini untuk menggilap bagaimana manusia itu berfikir.
- 58:05 : Jadi sejak pada itu saya jadikan buku ini sebagai buku panduan saya untuk saya berujah di mana-mana tentang dunia kreativiti. Apa kata Jones, beliau mengemukakan tiga wajah dalam pemikiran manusia. Pertamanya adalah kotak hitam di mana kreativiti dilihat sebagai misteri iaitu bebas, lepas, tanpa batas. Seolah-olah mereka adalah ahli silap mata yang mencipta dari kekosongan. Keduanya kotak kaca yang menuntut rasional struktur dan penjelasan dalam setiap reka bentuk. Dan yang ketiganya sistem penyusunan suara diri iaitu keseimbangan antara kebebasan dan kawalan antara intusi dan strategi.
- 58:51 : Jadi kalau kita tengok di sini kalau dah 20 tahun mengajar kadang-kadang kita tengok kita tahu kalau program grafik dia datang pukul berapa, dia lihat macam mana, kalau fine art atau seni halus ini dia punya rentak itu kita dah sikit sebanyak kita tahu berdasarkan pendoman dan panduan buku ini. Dia bukan orang seni reka dan seni itu dia sama dia ada lagi itu. Di dalam itu dia ada lagi pembahagian-pembahagian mengikut personaliti masing-masing.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBr. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 59:21 : Tuan-tuan dan puan-puan di sinilah kita harus memahami kreativiti yang bukan sekadar kebebasan tanpa arah dan bukan juga kekangan tanpa jiwa. Ia adalah keseimbangan, ia adalah seni mengawal kebebasan dan membebaskan kawalan. Tuan-tuan dan perempuan sebentar tadi kita baru menghayati definisi kreativiti dan juga personaliti.
- 59:43 : Kini kita lihat pula kekuatannya apabila digerakkan secara berkumpulan. Kalau sebentar tadi kita cerita tentang personaliti secara individu, kali ini kita nak lihat pula bagaimana ia digerakkan secara berkumpulan. Kita perlu faham bahawa kreativiti bukan sesuatu yang berlaku secara kebetulan, ia boleh dilatih dan dikembangkan, dan salah satu kaedah yang paling berkesan ialah latihan kreativiti secara berkumpulan atau dikenali sebagai brainstorming.
- 1:00:12 : Teknik ini sebenarnya telah diperkenalkan oleh Alex Osborn dan sehingga kini menjadi asas kepada pemikiran kreatif modern khususnya dalam bidang seni reka. Oleh kerana salah satu bidang kajian saya adalah grup kreativiti, saya ingin berkongsi sebuah kajian. Dalam kajian ini kita sama-sama ingin melihat tentang personaliti.
- 1:00:34 : Adakah personality menjadi pemangkin kepada ledakan idea dalam kumpulan ataupun sebaliknya. Jadi dalam penulisan terdahulu saya telah mengguraikan bagaimana Teresa Amabile, John Holland, McCrae dengan Costa, ini orang-orang yang berjuang dalam bidang personaliti dan juga kreativiti, meletakkan asas kukuh bahawa personaliti bukan sahaja membentuk kecenderungan individu, malah menentukan kesesuaian mereka dalam konteks kerja dan kreativiti. Maka berasaskan kerangka ini, kajian yang saya bentangkan hari ini bertujuan untuk melihat hubungan antara trait personality, proses dalam brainstorming itu sendiri dan juga prestasi diakhirnya dalam brainstorming tersebut dalam konteks Seni reka perindustrian. Kerana sampel saya, saya menggunakan seni reka perindustrian. Dan di sini saya ceritakan sedikit sebanyak lah sebenarnya. Tuan-tuan boleh tengok dalam buku sendiri.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBr. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:01:34 : Saya menggunakan pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dengan personaliti, misalnya personality extrovert, kemudian kestabilan emosi, emotional stability dan juga keterbukaan. Ini tiga ciri utama yang telah dibincangkan oleh ramai pengkaji-pengkaji terdahulu. Dan proses yang selalunya berlaku, dia bukan dalam grup kreativiti, dalam banyak kumpulan.
- 1:01:57 : Kalau kita bekerja dalam kumpulan, inilah selalunya cabaran yang kita lalui. Yang pertama ini penyekatan hasil. Kita ada idea, kita nak berikan idea tersebut. Kadang-kadang bila orang lain bercakap, kita dah terbawa atau kita dah hanyut dengan idea orang lain. Lama-lama idea kita hilang, kita terlupa. Ini dikatakan sebagai production blocking ataupun penyekatan hasil.
- 1:02:18 : Yang kelima itu melepak dalam kumpulan ataupun social loafing. Jadi social loafing selalu berlaku lah. Kalau dalam mesyuarat yang duduk, termenung, tak kisah dengan mesyuarat, itu social loafing ataupun dia melepak dalam kumpulan. Dia melepak dalam kumpulan ini atau social loafing, dia ada sebab. Dia bukan senang-senang. Yang pertamanya, kalau dia bagi idea, orang buat tak kisah dengan idea dia.
- 1:02:42 : Bagi idea kali pertama, tak kisah tak apa lagi. Dia pertahankan lagi. Bagi kali ketiga, akhirnya dia kata, dia fed up, dia pun keluar. Keluar pergi minum kopi, sembang-sembang. Lepas itu dia protes dengan orang luar tentang orang tak layan idea dia di dalam bilik mesyuarat itu. Kemudian ketakutan akan penilaian juga selalu berlaku ataupun evaluation apprehension.
- 1:03:02 : Iaitu seseorang itu dia takut. Dia takut idea dia bagi idea itu. Idea itu orang kritik idea dia ataupun orang meng-elehkan idea itu. Atau orang tengok idea itu sangat lemah. Jadi ini berlaku. Kalau kita nak soal pun ataupun nak tanya cikgu, nak tanya pensyarah, ini pun juga selalu berlaku.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:03:21 : Jadi inilah cabaran ini bukan cabaran di sesebuah universiti. Di seluruh manusia yang dikatakan kalau berlakulah aktiviti berkumpulan, Prof. Awang Damit, inilah keadaan berlaku. Prof. Awang senang sebab dia buat painting seorang-seorang. Jadi dia mudah. Kemudian kita mengkaji juga tentang kepuasan dan juga pemilikan topik. Ini adalah sebuah kajian saya berbentuk statistik.
- 1:03:49 : Jadi inilah kebolehan percayaan dan juga sebab kajian itu berbentuk kumpulan. Jadi setiap orang dia bagi idea dan dia tak boleh kenal pasti idea dia yang nombor berapa. Jadi saya terpaksa aggregatekan idea tersebut menjadi aggregate kumpulan. Sebab itu respondents ramai juga ada 460 orang tapi bila kita aggregatekan jadi satu unit satu kumpulan, empat orang satu kumpulan, dia hanya jadi 115 sahaja. Saya tak akan ceritakan. James Demery dengan Wolf, dia yang memugar formula tersebut.
- 1:04:29 : Jadi saya cuma menggunakan saja. Ada sedikit model yang ni Tan Sri Ibrahim. Saya ceritakan model ni sebab Tan Sri adalah orang social science. Jadi beliau amat memahami tengok model ni insyaAllah Tan Sri faham. Bahawa orang extrovert, orang emotional stability dan keterbukaan ni. Kalau dia tinggi orang tu suka bercakap, orang tu stabil emosinya dan orang tu openness to experience.
- 1:04:57 : Ataupun keterbukaan ni adalah ciri-ciri orang kreatif. Jadi dia ni apabila dia ada tinggi personality tersebut maka penyekatan hasil tu akan kurang. Dia tinggi personaliti tersebut penyekatan ataupun dia nak melepak dalam kumpulan sebab apa? Sebab kita telah berikan satu suntikan. Suntikan apa? Suntikan topik tu. Kajian-kajian yang lepas dibuat topik yang dia tak kisah pasal topik. Kita bagi topik tentang perusahaan rotan yang kian pudar di tanah, di negara Malaysia.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:05:29 : Jadi secara umumnya bahawa boleh dikatakan bahawa kesemua instrument ini dan juga kajian ini membawa satu kesimpulan yang penting. Bahawa dalam konteks kreativiti berkumpul siapa kita iaitu personality sama penting dengan bagaimana kita berinteraksi. Iaitu proses untuk menentukan apa yang kita hasilkan iaitu idea yang kreatif.
- 1:05:55 : Iaitu sikit sebanyak tentang kajian yang telah dilakukan secara empirikal. Baik, tuan-tuan dan puan-puan. Umum sepakat mengatakan bahawa penyelidikan tanpa sebuah perjalanan untuk dikongsi dan dimanfaatkan bersama akan hanya menjadi perhiasan. Setiap penyelidikan wajar dilihat sebagai suatu tanggungjawab untuk memberi impak kepada masyarakat. Ia perlu disebar luaskan, dikongsikan dan dibudayakan agar manfaatnya dirasakan bersama. Kajian yang berimpak berupaya merawat dan memperbaiki kesakitan dalam sesebuah masyarakat.
- 1:06:32 : Inilah sebenarnya cabaran yang besar yang harus dipikul oleh setiap penyelidik. Sabda Rasulullah SAW yang maksudnya sebaik-baik manusia adalah yang paling baik atau bermanfaat kepada manusia yang lain. Jadi, tuan-tuan dan perempuan, untuk pembahagian yang kedua ini, saya akan ceritakan sedikit usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan.
- 1:06:54 : Jutaan terima kasih kepada mentor-mentor yang telah memberikan idea dan candangan. Prof. Azni tidak terkecuali daripada orang yang memberikan sedikit sokongan dalam saya melaksanakan syarahan pada hari ini. Sepanjang tempoh perkhidmatan, universiti ini telah memberikan kepercayaan dan peluang kepada saya untuk menggalas amanah dalam pentadbiran akademik.
- 1:07:19 : Dan di sini saya ingin paparkan beberapa inisiatif yang diusahakan dalam menyulam kreativiti yang insya Allah berupaya membina personality khususnya dalam kalangan warga universiti. Jadi, untuk anak-anak pelajar sekalian, saya ingin nyatakan bahawa di sini. Pertamanya, apabila kita berbicara tentang pembinaan personaliti bangsa, kita tidak boleh lari daripada satu asas yang kukuh, iaitu jati diri yang berpaksikan sejarah, tradisi dan kedaulatan. Dalam konteks negara kita, prinsip kedua rukun negara, kesetiaan kepada raja dan negara bukan sekadar ungkapan, tetapi satu amanah yang perlu dihidupkan dalam jiwa generasi masa depan.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:08:04 : Atas kesedaran inilah lahirnya satu gagasan besar iaitu membentuk personaliti masyarakat melalui pemberkasaan institusi raja-raja Melayu. Tuan-tuan dan puan-puan, setiap idea besar tidak akan hidup tanpa pertemuan minda yang besar. Justru pada 18 hari bulan hingga 20 hari bulan Ogos 2014, satu bengkel bersejarah telah diadakan iaitu Bengkel Pemikir Kursi Raja Melayu di Genting View Resort, Pahang.
- 1:08:31 : Di sinilah berhimpunya tokoh-tokoh yang hadir membawa bersama pengalaman, kebijaksanaan dan cinta terhadap negara. Dan akhirnya lahirlah kursi institusi raja-raja Melayu, kursi yang pertama seumpamanya di UiTM. Hadirin sekalian, pembinaan personaliti tidak boleh dilakukan secara terpisah daripada akar budaya dan sejarah.
- 1:08:55 : Justru alhamdulillah dengan terbentuknya kursi institusi raja-raja Melayu ini simbol komitmen khas kita untuk memastikan bahawa nilai, tradisi dan kedaulatan terus hidup dalam jiwa setiap generasi. Jadi alhamdulillah tuan-tuan yang muliakan Allah SWT, penubuhan kursi ini telah melalui majlis raja-raja Melayu dan juga terima kasih UiTM ingin mengucapkan kepada yang berbahagia Tan Sri Syed Daniel kerana telah membantu dalam usaha menjayakan harapan universiti ini. Dan juga terima kasih kepada semua yang telah terlibat dan kini alhamdulillah kita telah mempunyai 3 orang penyandang. Yang pertamanya Almarhum Datuk Dr. Zainal Kling, yang kedua Prof. Madya Datuk Shamrahayu Ab Aziz dan alhamdulillah yang ketiga bersama dengan kita yang terhormat Prof. Emeritus Datuk Sri Awang Sarian.
- 1:09:51 : Hadirin yang dihormati sekalian, sejarah telah lama membuktikan bahawa kekuatan sesebuah tamadun tidak terletak hanya pada kekayaan material tetapi pada keunggulan pemikirannya. Atas kesedaran ini maka inisiatif yang seterusnya adalah melahirkan inisiatif modul pelaksanaan celik fikir satu pendekatan strategik dalam membentuk minda agar lebih kritis, rasional dan kreatif. Tuan-tuan dan puan-puan, kita mungkin tertanya-tanya adakah wujud kaitan antara personaliti seseorang individu dengan persekitaran tempat mereka bekerja? Jawapannya sudah tentu ada.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:10:35 : Jika tidak, mana mungkin teori tipologi kerjaya yang diperkenalkan oleh John Holland menjadi rujukan dan digunakan secara meluas di sekolah-sekolah bagi membimbing pelajar menentukan hal-hal tuju kerjaya mereka? Dalam hal ini, saya ingin menyentuh perihal personaliti organisasi. Mungkin ianya masih baru dan menimbulkan sedikit polemik kerana dasarnya personaliti mengikut definisi awam ialah ketekalan atau konsistensi dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Namun begitu, konstruksi ini wajar kita teroka dan kita robust.
- 1:11:09 : Walaupun mungkin menjadi perbincangan, dari kaca masa saya, saya ingin paparkan sebuah adaptasi personality yang dinambangkan karakter organisasi. Karakter ini dapat dikenalpasti melalui percantuman karakter-karakter kecil yang akhirnya membina karakter yang lebih kuat, lebih tepat saya namakan dia sebagai DNA organisasi. Dia ada kisah sebenarnya iaitu apabila ketika itu Naib Canselor UiTM, masa itu Datuk Azra'i, dia panggil saya ke pejabat beliau bersama dengan Prof. Dr. Abdul Rahman Omar.
- 1:11:47 : Masa itu dia punya PNC strategik. Jadi dia kata, Amir saya sebenarnya nak buat satu nilai yang boleh dijiwai oleh semua warga UiTM. Sebab apa? Sebab bagi saya nilai ini sangat penting sebab kita tahu bahawa alumni kita ramai yang dah berjaya tapi macam mana kita nak munculkan dia. Jadi masa ketika itu saya cuba fikirkan bahawa masa itu tak timbul lagi perkataan DNA ini. DNA ini tak timbul, dulu-dulu pernah mungkin Tan Sri Ibrahim pernah bercakap saya ingat tapi tak timbul lagi. Jadi lepas itu baru kita buat, boleh tak saya katakan bahawa berikan ruang untuk saya membuat satu penyelidikan.
- 1:12:40 : Jadi saya kumpulkanlah penyelidik-penyelidik ini yang datang daripada pelbagai latar belakang. Ada daripada Fakulti Sains Gunaan, ada daripada Matematik, ada berbagai bidang Bahasa. Kerana kita nak ambil kata pinjam DNA ini bukan mudah sebab itu bukan daripada perkataan sains sosial, daripada dia pure science. Jadi kita kena berhati-hati dalam usaha menjaga integriti itu.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

1:13:08 : Jadi kita libatkan semua orang untuk bersama dalam menjayakan kajian inilah. Jadi kerjasama dan kepakaran mereka dapat mempercepatkan pengumpulan data serta menghasilkan dapatan yang bermanfaat untuk masa depan kita. Jadi insyaAllah mungkin kita nak dengar sedikit sedutan video apakan yang dikatakan sebagai DNA UiTM itu sendiri.

[Video Playing]

1:18:24 : Jadi, DNA UiTM ini adalah sesuatu perkara yang sangat penting untuk pengetahuan bersama ia perlu disegarkan dan dibugarkan. Jadi jutaan terima kasih sebenarnya saya nak panjatkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ibrahim Abu Shah yang setiap kali berceramah kami sentiasa berbincang mendapatkan input tentang DNA UiTM.

1:18:45 : Insya Allah kita akan semarakkan DNA UiTM ini mudah-mudahan ia menjadi satu tanda dalam diri setiap orang yang telah bergraduasi daripada UiTM ini. Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian, kehebatan sebenarnya bukan dibentuk ataupun dibangga-banggakan semata-mata tetapi ianya perlu dipelihara. Disinilah pentingnya persekitaran yang amat membina.

1:19:14 : Saya memetik kata-kata Carl Rogers yang menegaskan bahawa manusia dilahirkan dengan potensi yang baik dan berupaya berkembang secara positif. Namun persekitaran yang tidak menyokong akan membantukan perkembangan tersebut. Malah aliran tingkah laku melihat manusia sebagai tabula rasa lembaran kosong yang dibentuk oleh pengalaman.

1:19:37 : Maka persoalannya apakah persekitaran yang kita sediakan untuk para golongan pemimpin masa depan. Atas kesedaran ini lahirlah sebuah lagi inisiatif yang dinamakan sebagai PADU. PADU adalah akronim bagi Program Aspirasi DNA UiTM. Dia sebuah modul. Peringkat awal dulu kita namakan sebagai Modul Aspirasi DNA UiTM. Tapi Prof. Sazili ketika itu di kalangan, semasa kita nak bawa ke mesyuarat eksekutif di kalangan para pensyarah wanita dia tak berapa setuju



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:20:14 : Dia kata kalau modul dia jadi madu. Jadi dia kata abang nak pergi mana saya nak pergi madu. Jadi panjang cerita. Jadi kita tukarkan, kita murnikan dengan PADU. Tapi intinya tetap sama. Jadi sejarahnya Program PADU ni sebenarnya masa itu Prof. Sazili baru dilantik sebagai TNC HEP. Jadi oleh kerana kami ni berkawan, jadi kita bersembang je lah kat kedai sambil-sambil minum. Dia kata dia nak buat engagement dengan para pelajar. Kita ada 180, macam mana nak buat engagement.
- 1:20:49 : Prof. Sazili ceritalah kalau satu kampus itu 5,000 berapa tahun baru nak selesai. Jadi saya kata, saya kata Prof. Sazili kita buat satu interface. Interface ini satu produk atau inisiatif yang boleh menjadi medium antara HEP dan juga para pelajar. Jadi tak kiralah siapa yang kendalikan dia. Jadi interface itulah dikatakan sebab kita ambil DNA UiTM itu kita berikan dia input dalam Program PADU ini. Jadi Program PADU ini sebenarnya adalah satu inisiatif (1:21:23) khas untuk melihat bahawa menyuntik DNA UiTM itu kepada para mahasiswa.
- 1:21:32 : Jadi terhasil lah modul PADU ini. Jadi hadirin sekalian pembinaan modul ini tidak berlaku secara kebetulan. Ianya digerakkan melalui satu model kitaran pembangunan modul. Jadi model kitaran ini yang saya bangunkan adalah untuk memastikan setiap langkah memiliki mana arah dan impak. Yang pertama sekali modul ini dibangunkan adalah dengan permanaan modul itu sendiri. Kita tidak boleh membangunkan modul sebenarnya dengan sekadar untuk melepaskan KPI yang ada.
- 1:22:06 : Kita perlu membangunkan modul dengan apa makna yang kita nak sampaikan dalam modul tersebut. Yang keduanya adalah pembangunan modul. Jadi fasa yang kedua adalah fasa pembangunan modul. Pembangunan modul ini dia bukan bentuk lagi modul tetapi kita nak mencari, buat segala macam input yang ada. Kalau tak percaya tengok Umar Tan Sri lah, saya boleh hafal apa menu yang disediakan di rumah beliau. Sebab nak cari, nak gali apakah itu yang dikatakan sebagai DNA UiTM itu.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:22:34 : Jumpa dengan mantan-mantan naib cancellor, jumpa dengan para pelajar bekas mantan-mantan MPP, nak gali, nak tengok adakah modul-modul yang lepas ini jangka masanya membebankan atau tidak. Jadi maknanya atas asas tersebut barulah kita pergi fasa yang ketiga iaitu pembentukan modul. Jadi pembentukan modul ini adalah satu usaha untuk melihat proses biasa kebolehpercayaan, keesahan dan kita ambil untuk pembentukan modul ini model Russell tahun 1974 dengan model yang diusahakan oleh Prof. Siddiq Noh dan Dr. Jamaluddin.
- 1:23:08 : Kemudian pentadbiran modul. Selepas selesai modul tersebut, kita buat TOT. Selepas selesai TOT, kita bawa dia ke peringkat mesyuarat eksekutif universiti untuk melihat dari segi bajet dan sebagainya. Barulah kita laksanakan. Dan akhirnya kita buat penilaian terhadap modul. Jadi sebelum dilaksanakan itu, dia ada empat proses lain yang begitu agak mencabar dan boleh dikatakan agak memenatkan.
- 1:23:34 : Tapi insyaAllah hasilnya kita harap, next kita tengok, inilah hasil yang ada, iaitu dengan modul celik pilihan raya, kita adakan MOU dengan SPR misalnya. Kemudian dengan SPRM dan sebagainya, modul jiwa UiTM, kalau kita tengok modul-modul yang ada yang semua menjadi interface untuk hal ehwal pelajar itu bersama dengan pelajar. Jadi tak perlulah TNC nak pergi jumpa setiap orang, setiap masa.
- 1:24:11 : Sebab kerja kat sini pun saya tahu banyak lagi. Jadi maknanya di sini, interface ini yang dinamakan sebagai modul PADU. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, penilaian paka juga, mungkin kita lihat dari sudut penilaian paka telah mengukuhkan keberkesanan modul ini yang melalui 5 aspek utama, yang pertama menepati sasaran populasi, yang kedua kaedah pelaksanaan yang bersesuaian, yang ketiga tempoh yang masa yang mencukupi, yang keempat peningkatan pencapaian peserta dan yang kelima perubahan sikap ke arah yang lebih cemerlang.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBr. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:24:48 : Ini adalah suktur ataupun ini adalah uji lari yang telah dilaksanakan. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, kita nak sampai dah ke penghujung. InsyaAllah syarahan saya pada hari ini. Saya cuba sebenarnya untuk mengawal masa tapi pun insyaAllah kita sampai ke kesimpulan. InsyaAllah yang hujung sekali kesimpulan. Kerangka yang kita nak utarakan di sini.
- 1:25:17 : Setelah kita meneliti, membahaskan dan menyingkap lapisan demi lapisan tentang kreativiti dan personaliti, maka saya datangkan dengan satu kerangka yang kita boleh ambil sebagai pedoman bersama. Kerangka ini merumuskan satu ekosistem tatakelola pembangunan insan yang berpaksikan ilmu, personaliti dan kreativiti sebagai teras utama. Model ini memperlihatkan satu perjalanan pembangunan insan yang bergerak secara progresif daripada pemikiran kepada pembentukan dan daripada pembentukan kepada pembudayaan.
- 1:25:48 : Pada fasa pertama, ia menunjukkan pengetahuan dan kefahaman yang berfungsi sebagai landasan intelektual yang membina asas teori, dapatan penyelidikan kreativiti serta pemahaman terhadap konstruk personaliti dan kreativiti. Asas ini kemudiannya diterjemahkan dalam fasa kedua, di mana ia memaparkan keberhasilan dan penginstitutionan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, DNA UiTM, Modul Celik Fikir dan Modul PADU yang mengoperasikan idea kepada amalan budaya dan sistem institusi. Seterusnya, pada fasa ketiga pula, kerangka ini menegaskan akan kelestarian dan kemampanan bagi memastikan segala usaha tersebut tidak terhenti sebagai program atau intervensi semata-mata tetapi berkembang menjadi budaya kreatif yang terus dinilai, diperluas dan diperkukuhkan dalam konteks.
- 1:26:45 : Kesyinambungan ketiga-tiga fasa ini seterusnya membawa kepada hasil yang akhir iaitu pembentukan insan holistik yang kreatif, berpersonaliti, berjati diri serta mampu menyumbang nilai kepada masyarakat dan negara. Akhir sekali, itulah sedikit sebanyak daripada syarahan profesor saya pada hari ini. Mudah-mudahan ia dapat memberikan sedikit input dan celik akal kita sebagai seorang ahli akademik dan juga pelajar UiTM.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Auditorium Utama, Kompleks Ilham, UiTM Shah Alam

8 Jun 2026 (Isnin), Jam 2.00 petang

Nama YBrs. Profesor Dr. Amer Shakir Zainol
Tajuk Mengarca Kreativiti Memurni Personaliti
Jangka masa : 1 jam 52 minit

Transkrip:

- 1:27:15 : Jadi, pada kesempatan ini saya nak mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua dif-dif kehormat yang hadir pada hari ini yang saya tahu di dalam kesibukan masih lagi ada ruang untuk bersama dalam majlis pada hari ini. Juga kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar serta Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM ILD, pihak pengurusan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka daripada Dekan, Timbalan Dekan, ketua-ketua program dan koordinator dan seterusnya penyelaras. Ahli Jatankuasa, Syarahan Profesor yang telah bertungkus lumus sejak bulan yang lalu.
- 1:27:53 : Penebit UiTM sendiri, Pejabat Komunikasi Strategik UiTM, Pejabat Pemerkasaan Adiwangsa. Juga kepada insan yang sangat penting dalam hidup dan karier saya iaitu isteri saya Hajah Zamimi binti Haji Muhammad dan enam orang anak saya. Juga kepada Almarhum Haji Muhammad Khalil bin Amran dan juga, Almarhum Muhammad Hafizul Idham serta, Almarhum Profesor Tamizh Bajuri.
- 1:28:23 : Jadi tuan-tuan dan puan-puan sesungguhnya apa yang saya paparkan sebentar tadi bukanlah usaha saya seorang ianya tidak akan menjadi kenyataan sekiranya ia tidak dilaksanakan secara berjemaah. Di sini saya titipkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini yang saya sebutkan nama dan tidak sebutkan nama, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir. Mudah-mudahan apa yang kita bincangkan apa yang kita kongsi ini akan dinilai oleh Allah S.W.T di negeri akhirat kelak. Jadi sekadar itu bicara saya dalam Syarahan Profesor, mudah-mudahan Allah S.W.T memberikan kita hidayahnya. Saya sudahi wabilahi taufiq wa hidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.